



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

16 Mac 2021
2 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Khuatir hasil berkurangan
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Mayat pengusaha ikan ditemui• Sindiket guna bot nelayan berlesen
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Nasib 300 nelayan masih samar• 160 nelayan bimbang punca rezeki terjejas
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

13

16/3/2021

JETI pelabuhan Tanjung Beruas yang bakal dimulakan.

Khuatir hasil berkurangan

160 nelayan harap bantuan ekoran pembinaan jeti baharu

Oleh Hassan Omar
an@hmetro.com.my

Melaka

"Kami tidak tolak pembangunan, tetapi tolong lihat keadaan kami kini," ujar Ketua Jaringan Nelayan Pantai Puteri, Azmi Lemau, 53, berhubung nasib 160 nelayan Pantai Puteri, Tanjung Kling di sini.

Menurutnya, mereka tidak menolak pembinaannya jeti Pelabuhan Tanjung Beruas (PTB) di sini, tetapi mereka berharap mereka diberi perhatian.

"Pada dasarnya mereka tidak tolak usaha memanjangkan jeti pelabuhan sepanjang 650 meter dalam tempoh lima tahun, tetapi bimbang punca rezeki terjejas sepanjang kerja pembinaan dijalankan.

"Kami akur dengan pembangunan kerana ia sumber ekonomi bagi syarikat pelabuhan dan penduduk sekitar Tanjung Kling"

Azmi mengurus PTB di pejabat PTB di sini, semalam.

Tujuh hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hassan serta wakil Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM) dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB).

Pada sesi itu, pihak pengurusan PTB memberi penjelasan berhubung kerja fasa satu membina jeti sepanjang 50 meter berbanding jeti sedia ada 175 meter yang dimulakan bulan lalu dan bakal disiapkan September depan.

Selain itu, fasa selanjutnya membabitkan kerja memanjangkan 600 meter lagi jeti yang bakal siap sepenuhnya pada 2026.

Azmi berkata, nelayan menyambut baik jika PTB sedia memberi pampasan melalui kerajaan negeri, tetapi ia harus dipastikan mampu menjamin kelangsungan kehidupan nelayan dan bukan secara *one off* kerana ia hanya untuk jangka pendek.

Selain itu, mereka sedia menerima jika kerajaan membina kelong di tengah laut yang berfungsi sebagai tempat pembiakan ikan dan peluang nelayan menyediakan perkhidmatan sewa bot untuk kaki pancing.

Katanya, pembinaan jeti baharu dan kerja membaiki 12 hektar kawasan sekitar pelabuhan itu bakal menyebabkan sumber perikanan berhijrah ke kawasan lain atau pupus.






JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			12	16/3/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				



LOKASI sangkar ikan di Kampung Lada, Jerantut di mana mangsa dikatakan terjatuh ke sungai.



ARIFF HELMI

Mayat pengusaha ikan ditemui

JERANTUT - Mayat seorang lelaki yang juga pengusaha ikan sangkar ditemui tiga meter dari lokasi dia dilaporkan terjatuh di Sungai Pahang di Kampung Lada, di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11 malam kelmarin, mangsa, Ariff Helmi Saharudin, 26, dipercayai tergelincir dari sangkar ikan sebelum terjatuh dan dihanyutkan arus sungai.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jerantut, Mohamad Zulkifli Mohamad Zainal berkata, mayat mangsa ditemui pasukan bomba pada pukul 3.16

petang semalam.

"Mayat mangsa ditemui di dasar sungai pada kedalaman kira-kira empat meter oleh pasukan penyelam.

"Mayat yang dalam keadaan sempurna itu diserahkan kepada pihak polis dan dihantar ke Hospital Jerantut untuk bedah siasat," katanya di sini semalam.

Seorang rakan mangsa, Fauzi Dollah, 46, berkata, semasa kejadian dia bersama mangsa pergi ke sangkar ikan berkenaan bagi mengambil ikan.

"Ariff menyuruh saya naik dahulu kerana dia mahu memberi

ikan makan sebentar dan ketika berada dalam kenderaan saya masih nampak lagi cahaya lampu suluh yang digunakan mangsa.

"Oleh kerana agak lama mangsa tidak muncul, saya melihat semula ke arah sangkar dan cahaya lampu suluh sudah tiada. Saya terus turun dan mendapati dia tidak kelihatan di tempat kali terakhir dia dilihat," katanya.

Katanya, susulan itu dia terus bergegas ke jalan utama meminta bantuan orang ramai mencarinya sebelum memaklumkan pihak polis.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Kerap tukar modus operandi, jadikan penduduk tempatan sebagai pemberi maklumat

Sindiket guna bot nelayan berlesen

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

KUALA PERLIS - Sindiket penyeludupan dikesan sering menukar modus operandi (MO) mereka bagi mengaburi pihak berkuasa dalam melakukan kegiatan jenayah rentas sempadan khususnya di perairan negeri Perlis dan Kedah.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah berkata, modus operandi sindiket itu juga akan berubah mengikut keadaan dan situasi.

Katanya, APMM mengesan antara modus operandi terbaharu yang digunakan oleh sindiket ini adalah menggunakan bot-bot nelayan berlesen untuk menjalankan kegiatan haram tersebut.

"Kami mendapati, bukan hanya bot-bot persendirian yang melakukan aktiviti penyeludupan di perairan negeri Kedah dan Perlis, malah bot-bot berlesen perikanan kelas A, B, BI, C dan C2 turut bersubahat," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Selain itu, menurut beliau, sebilangan bot barter trade dari Thailand dan Indonesia juga disyaki terlibat dalam kegiatan penyeludupan.

"APMM sentiasa meman-



ANTARA laluan di pinggir perairan Kuala Perlis yang dipercayai digunakan oleh sindiket penyeludup.

atau aktiviti-aktiviti bot barter trade dari negara Thailand dan Indonesia kerana bot tersebut disyaki dijadikan sebagai pengangkutan untuk membawa barang larangan kedua-dua negara itu.

"Bot-bot barter trade ini dipercayai akan bekerjasama dengan pemilik bot-bot tempatan dengan memindahkan barang larangan yang dibawa oleh mereka ke bot-bot tempatan di tengah laut.



Keratan Kosmo! semalam.

"Kesemua barang larangan itu kemudian akan dibawa masuk ke

Malaysia," ujarnya.

Mohd. Zawawi berkata, pihaknya akan terus melakukan rondaan dan operasi bagi mencegah kegiatan penyeludupan di perairan Kedah dan Perlis.

"Komuniti nelayan juga menjadi mata dan telinga kepada APMM terhadap sebarang aktiviti yang mencurigakan dan menyalahi undang-undang negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau tidak



MOHD. ZAWAWI

menahkan mengenai kemungkinan penglibatan segeintir penduduk tempatan yang menjadi pemberi maklumat kepada sindiket penyeludup.

"Mereka ini akan beri maklumat berkaitan pergerakan aset-aset operasi APMM yang mana pemberi maklumat ini akan dibayar mengikut maklumat yang disalurkan atau secara bulanan dengan nilai bayaran mencecah ribuan ringgit," ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan kewujudan jeti-jeti haram dan persendirian selain pangkalan nelayan yang dibina di sekitar perairan Kedah dan Perlis dikenal pasti menjadi laluan rahsia kepada sindiket penyeludup untuk menyeludup pelbagai barang larangan termasuk daun ketum.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Nasib 300 nelayan masih samar

Pertemuan dengan wakil pengurusan, KMB gagal capai kata sepakat

Oleh NOR FARHANA YAAACOB
MELAKA

Lebih 300 nelayan Melaka Selatan termasuk yang berdaftar meraya kerajaan Melaka campur tangan dalam isu tambahan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam.

Ia susulan tiada situasi menang-menang dicapai selepas pertemuan antara wakil nelayan bersama wakil pengurusan Tanjung Bruas dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB) di Pejabat Tanjung Bruas pada Isnin.

Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

Jabatan Tanjung Bruas pada Isnin.

Ketua Komuniti Nelayan Tanjung Kling, Aziz Japar berkata, pihaknya terkejut apabila projek tambak laut lima fasa itu bukan membabitkan 600 meter, tetapi 750 meter.

Menurutnya, pertemuan dua mata antara pihak berkenaan didakwa tidak memberi jaminan nasib nelayan yang terjejas akan terbela seperti pemberian pampasan yang setimpal.

"Nelayan tidak menolak

ISU JETI TANJUNG BRUAS

pembangunan, tetapi jangan pinggir atau nafikan hak mereka.

"Mereka cuma beritahu akan berunding dengan kerajaan negeri dan kita berharap ada kaedah untuk membantu," katanya selepas sesi taklimat itu pada Isnin.

Hadir sama, Pengurus Besar Tanjung Bruas Parti Sdn Bhd, Mohamad Nizam Ibrahim, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Ir Khairul Izzan Harun dan Pegawai Lembaga Pelabuhan Melaka, Kamal Arifin Idris.

Pada Sabtu, lebih 300 nelayan di perairan Tanjung Kling gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek penambahan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

Mereka mendakwa projek pembinaan jeti pelabuhan sepanjang 600 meter bermula Tanjung Bruas itu telah menyukarkan nelayan ke laut hinggalah ada antara nelayan



Nor Azman memajurkan pelan pamanjangan Jeti Tanjung Bruas yang membabitkan lima fasa ketika sesi taklimat itu di Pejabat Tanjung Bruas Sdn Bhd pada Isnin.

terpaksa menangkap ikan sehingga hampir ke Pulau Besar.

Mengulas lanjut, Aziz berkata, beliau bersedia untuk bertemu Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali agar projek fasa seterusnya sepanjang hampir 600 meter dibatalkan.

"Setakat ini pada fasa pertama tahun 2017 telah diluluskan pamanjangan jeti 50 meter itu pun tidak dimaklumkan kepada nelayan dan saya harap permohonan mereka untuk fasa seterusnya dibatalkan jika

tidak nelayan akan terus hilar punca pendapatan dan tidak dapat ke laut," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hasan berkata, beliau akan membantu mengatorkan pertemuan nelayan bersama Ketua Menteri.

"Saya harap ada kaedah yang boleh kita bantu nelayan seperti pembinaan kelong api boleh menambah pencari seperti membawa kaki pancir atau pelancong," katanya.

300 nelayan bimbang sumber rezeki terjejas



Lebih 300 nelayan di perairan Tanjung Kling gusar apabila mata pencarian mereka terjejas akibat projek penambahan laut dan pembinaan jeti pelabuhan berhampiran Jeti Nelayan Kampung Hailam sejak awal bulan ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

A SELASA, 16 MAC 2021 **BH**

Nasional

160 nelayan bimbang punca rezeki terjejas



Projek naik taraf jeti Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka babitkan kerja pemanjangan jeti sejauh 650 meter. (Foto BERNAMA)

Pihak pengurusan Pelabuhan Tanjung Bruas jamin nasib dibela

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Melaka: Kira-kira 160 nelayan Pantai Puteri, Tanjung Kling, di sini, bimbang punca rezeki terjejas sepanjang lima tahun kerja memanjangkan jeti Pelabuhan Tanjung Bruas (PTB), di sini, dijalankan.

Tidak menolak pembangunan di sepanjang 650 meter jeti PTB, Ketua Jaringan Nelayan Pantai Puteri, Azmi Leman, 63, merayu agar nasib mereka diberi perhatian.

"Kami akur dengan pembangunan kerana ia adalah sumber ekonomi bagi syarikat pelabuhan dan penduduk sekitar Tanjung Kling.

"Bagaimanapun, tolonglah kami kerana sumber ikan dan udang sudah pasti berkurangan berikutan kerja pembinaan jeti dan menambak laut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi perbincangan bersama kira-kira 20 wakil nelayan dengan pengurusan PTB di pejabat PTB di sini yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundur, Datuk Nor Azman Hassan serta wakil Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM) dan Kumpulan Melaka Berhad (KMB).

Dalam sesi itu, pihak pengurusan PTB memberi penjelasan mengenai kerja fasa satu membina jeti sepanjang 50 meter berbanding jeti sedia ada 175 meter yang dimulakan bulan lalu dan bakal distapkan September ini.

Selain itu, fasa selanjutnya membabitkan kerja memanjangkan 600 meter lagi jeti yang bakal siap sepenuhnya pada 2026.

Azmi berkata, nelayan menyambut baik jika PTB bersedia memberikan pampasan melalui kerajaan negeri, tetapi ia harus dipastikan mampu menjamin kelangsungan kehidupan nelayan dan bukan secara sekali terima kerana ia hanya untuk jangka pendek.

Selain itu, mereka bersetuju jika kerajaan membina kelong di tengah laut sebagai tempat pembalakan ikan dan peluang untuk nelayan menyediakan perkhidmatan sewa bot bagi kaki pancing.

Katanya, pembinaan jeti baharu dan kerja menambak 12 hektar kawasan sekitar pelabuhan itu bakal menyebabkan sumber perikanan berhijrah ke kawasan lain atau pupus.

Sementara itu, Nor Azman berkata, projek bernilai RM160 juta itu tidak mengesetipkan kepentingan nelayan, sebaliknya nasib mereka tetap dibela.

Katanya, jaminan itu diberikan pihak pengurusan pelabuhan pada sesi perbincangan di antara beliau, wakil Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM), Kumpulan Melaka Berhad (KMB) dan wakil nelayan.

Nor Azman berkata, perbincangan itu membolehkan pengurusan PTB memberikan penjelasan kepada beliau dan nelayan mengenai projek yang bakal dilaksanakan menerusi pelbagai fasa itu dan ia diterima nelayan meskipun mereka bertegas mempertahankan hak.